

## **CADANGAN BAGI PENAMBAHBAIKAN PROSES PILIHAN RAYA DIDALAM SESI PENDENGARAN AWAM JPKP**

### **1) Umur mengundi dinaikkan kepada 25 tahun**

- pada usia ini, pengundi dilihat lebih matang, berfikiran terbuka, peka terhadap situasi semasa, tidak mudah terpengaruh dan boleh membuat pertimbangan serta penilaian ke atas sesuatu perkara mengikut kehendak sendiri.
- Cadangan untuk menurunkan umur mengundi kepada 18 tahun tidak boleh diterima kerana mereka dilihat masih belum matang dan berkemungkinan mudah dieksploitasi oleh pihak-pihak tertentu bagi kepentingan politik dan bukannya rasa tanggungjawab dan pertimbangan waras dalam membuat keputusan.

### **2) Persempadanan Semula dan Penubuhan Kumpulan Wakil Rakyat (Group Representative)**

- persempadanan semula perlu dilakukan oleh SPR mengikut persempadanan yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- ianya kerana terdapat wakil rakyat yang terpaksa berurusan dengan dua (2) PBT dan sukar untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh rakyat.
- penubuhan Kumpulan Wakil Rakyat perlu diperkenalkan di semua bandaraya kerana kebanyakan kawasan bandaraya mempunyai kemudahan awam yang mencukupi dan terkini.
- setiap bandaraya juga mempunyai ahli majlis atau kerajaan tempatan yang boleh membantu dalam menguruskan keperluan rakyat.

### **3) Tempoh bertenang (cooling period)**

- diwujudkan tempoh bertenang selama dua (2) hari bagi memberi peluang kepada pengundi untuk membuat pilihan dengan sebaiknya.
- ianya penting sebagai langkah meredakan kehangatan kempen parti-parti politik yang bertanding yang berkemungkinan berbentuk agresif dan provokasi.

### **4) Pengundi luar negara tidak dibenarkan untuk mengundi**

- mereka tidak mengetahui berkenaan situasi atau senario politik semasa negara.
- mereka bukannya pembayar cukai pendapatan dan tidak menjana pendapatan kepada negara.

- tahap pemikiran mereka boleh diragui kerana boleh dipengaruhi oleh pihak luar dan kurang sesuai dengan budaya tempatan.
- mereka boleh terjerumus di dalam rasuah politik jika parti politik merasuah mereka untuk mengundi parti tersebut.
- bagi undi pos, setiap undi yang dikumpulkan, boleh dimanipulasi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab dan menjadikannya tidak telus dan boleh menimbulkan tanda tanya.

#### **5) Pendaftaran Secara Automatik**

- didapati tidak begitu berkesan kerana kebanyakan mengundi tidak menukar alamat pada MyKad kepada alamat tempat tinggal.
- kaedah ini hanya menyebabkan pertambahan bilangan pengundi tetapi tidak menyumbang kepada kenaikan peratusan keluar mengundi.

#### **6) Keperluan Memperuntukan Tempoh Berkempen Tidak Kurang Dari 21 Hari Oleh SPR**

- didapati tempoh berkempen tidak perlu dipanjangkan kepada lebih 21 hari kerana dikhuatiri pihak-pihak tertentu menyalahguna masa berkempen untuk menghasut dan memainkan sentimen-sentimen yang bersifat negatif dikalangan rakyat.
- keutamaan haruslah diberikan kepada tempoh bertenang atau *cooling period* seperti yang telah dinyatakan di atas bagi memberi ruang dan peluang kepada semua rakyat untuk berfikir secara rasional bagi membuat pilihan yang tepat.

#### **7) Fee Bantahan**

- *fee* bantahan bagi daftar nama pemilih perlu dinaikkan daripada RM10.00 kepada RM100.00 agar proses bantahan tidak dilakukan dengan sewenang-wenangnya.
- proses untuk membuat bantahan perlu lebih ketat. Ini kerana apabila bantahan dibuat, SPR memerlukan tempoh tertentu untuk menyelesaikannya, dan sekiranya ia tidak dapat selesai pada tarikh daftar pemilih digazetkan maka ia akan mengakibatkan daftar pemilih seluruh bahagian tersebut akan digantung.